

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 25/9/2013

Muka surat: 8

Tajuk : Bengkel Terapi Muzik Dedah Peserta Untuk Aplikasi Teknik Terapi Kesenian.

Bengkel Terapi Muzik dedah peserta untuk aplikasi teknik terapi kesenian

KUCHING: Bengkel Terapi Muzik telah diadakan pada 20 hingga 22 September lalu di Merdeka Palace Hotel & Suites yang dikendalikan oleh Profesor Emeritus Dr Joseph Moreno daripada Maryville University.

Menurut kenyataannya semalam, Joseph merupakan pengarah Institut Terap dan Seni Kreatif di Santa Fe, New Mexico, USA.

Bengkel Terapi Muzik ini telah dianjurkan oleh Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa Zon Sarawak dengan kerjasama Kerajaan

Negeri Sarawak dan Jabatan Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Bengkel yang julung kali diadakan di Kuching ini berjaya memberi pendedahan kepada para peserta, bukan sahaja kepada kaunselor, tetapi pegawai khidmat masyarakat, doktor, jururawat, guru dan individu untuk mengaplikasikan teknik terapi kesenian yang memfokuskan kepada muzik, tarian, lukisan dan psikodrama kepada klien.

Ia turut memberi kesan perubahan kepada aspek psikologikal, fizikal, kognitif, atau fungsi-fungsi sosial ke atas individu atau isu-isu pembelajaran dan pekerjaan.

Pendekatan muzik dalam membantu klien ini adalah salah satu alternatif untuk menolong klien memperolehi celik akal, kesedaran tentang diri dan orang lain, mampu mengatasai simptom, tekanan dan pengalaman traumatis serta mempunyai rasa kepuasan dalam kehidupan dengan menggu-

nakan terapi kesenian ini.

Terapi ini boleh diaplikasikan di suasana yang pelbagai sama ada di sekolah, pusat pemulihan, hospital, rumah dan dalam komuniti.

Menurut Pengurus Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa Zon Sarawak Amalia Madihie, pada tahun depan lebih banyak program perkembangan profesional kaunselor akan diadakan dan berhasrat untuk menjemput lebih ramai pakar yang akan dibawa ke Sarawak.

Oleh yang demikian, be-

liau berharap lebih ramai kaunselor akan terlibat dan bergiat aktif dalam persatuan katanya.

Beliau mengajak semua kaunselor di Sarawak terutamanya untuk menjadi ahli Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa.

Semua maklumat boleh didapati daripada www.perkamaininternational.com.my atau menghubungi Amalia Madihie di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS melalui e-mel iaitu mamalia@fcs.unimas.my.